

Artikel Asli

## Sikap Politik Urban Melayu

**Mohd Azmir Mohd Nizah<sup>1</sup>, Muhammad Shamshinor Abdul Azzis<sup>2</sup>, Afi Roshezry Abu Bakar<sup>2</sup>, Hairol Anuar Mak Din<sup>4</sup>**

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

<sup>2</sup> Fakulti Pendidikan & Sains Sosial, Universiti Selangor, Kuala Selangor, Selangor, Malaysia.

<sup>3</sup> Jabatan Kewartawanan, Fakulti Sastera & Sains Sosial, Universiti Tunku Abdul Rahman, Kampar, Perak, Malaysia.

<sup>4</sup> Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Kajang, Selangor, Malaysia.

### *Progres Artikel*

Diterima: 22 April 2016

Disemak: 10 Mei 2016

Diterbit: 12 Mei 2016

\*Corresponding Author: Mohd Azmir Mohd Nizah, Pusat Pengajian Teras, USIM  
Email: azmirmizah@usim.edu.my

**Abstract:** Comparative study on political attitudes between urban and rural communities has become a focus among scholars, especially after the results of 13<sup>th</sup> Malaysian general election. Nevertheless, studies on political attitude which focused on specific ethnic groups are still insufficient. This article aims to identify the political attitude of the urban Malays, especially in the context of political tolerance. This study discusses the political attitudes of urban Malays through quantitative research design which used questionnaire in three urban areas, namely, Johor Bahru, Shah Alam and Bukit Bendera. The findings summarized that Malay voters in urban areas are tolerant of political party's differences and even an ethnicity is not a primary criteria of nominations in the elections. This study argues that urban Malays tend to tolerant of ethnic, religious or even liberal political party. Further analysis and recommendations are discussed.

**Keyword:** *ethnic tolerance, political tolerance, voting behaviour, modernization*

**Abstrak:** Kajian perbandingan mengenai sikap politik antara masyarakat urban dan luar bandar telah menjadi fokus dalam kalangan sarjana, terutama selepas keputusan pilihan raya umum ke 13. Namun begitu, literasi kajian mengenai sikap politik yang tertumpu pada etnik yang spesifik masih lagi kurang. Artikel ini berhasrat mengenalpasti sikap politik urban Melayu, terutamanya dalam konteks toleransi politik. Kajian ini membincangkan mengenai sikap politik urban Melayu melalui rekabentuk kajian kuantitatif dengan instrumen soalselidik di tiga kawasan urban iaitu Johor Bahru, Shah Alam dan Bukit Bendera. Dapatan kajian merumuskan bahawa pengundi Melayu di kawasan urban terbuka dalam menerima perbezaan parti politik malah ukuran etnik bukanlah kriteria terhadap pencalonan dalam pilihan raya. Kajian ini menghujahkan kecenderungan pola sokongan parti politik kumpulan urban Melayu juga bersifat longgar dengan melepasi sempadan parti bersifat agama, etnik mahupun liberal. Analisa lanjut dan cadangan dibincangkan dalam artikel ini.

**Kata kunci:** *toleransi etnik, toleransi politik, kelakuan pengundi, modenisasi*

## Pengenalan

Dinamika pengundian di Malaysia telah banyak berubah sejak lewat tahun 1990an, dengan memperlihatkan perubahan daripada pengundian berdasarkan etnik kepada corak pengundian berdasarkan pembangunan, Islamisasi serta urbanisasi, termasuklah faktor kemunculan media baharu yang telah banyak mempengaruhi proses mobilisasi pengundi (Gomez, 2014). Situasi ini lantas menyaksikan Barisan Nasional berhadapan dengan tentangan sengit daripada parti pembangkang pada pilihan raya yang ke 12 dan ke 13. Banyak penjelasan yang telah dibuat oleh pengkaji sebagai contoh, lihat Brown, 2005; Wah, 2003; Weiss, 2013) dalam analisis mereka terhadap kondisi ini. Walaupun dianggap "Tsunami Cina" (Abdillah Noh, 2014) namun hakikatnya isu ekonomi melangkaui sempadan etnisiti (Weiss, 2013). Namun kertas kerja ini akan mendasari kesan urbanisasi dan etnik terhadap sikap politik urban Melayu. Perbandingan Melayu di kawasan urban mengikut kawasan konstituensi parlimen Johor Bahru, Shah Alam dan Bukit Bendera menjadi topik tumpuan perbincangan. Ini adalah signifikan atas beberapa faktor persamaan dan perbezaan. Ketiga-tiga kawasan ini merupakan kawasan urban (Department of Statistics Malaysia, 2009) dan melalui keputusan Pilihan Raya Umum ke 13 yang lepas, ketiga-tiga kawasan ini dimenangi oleh calon daripada etnik Melayu, walaupun setiap kawasan ini merupakan kawasan berstatus majoriti campuran (Johor Bahru), majoriti Melayu (Shah Alam) dan minoriti Melayu (Bukit Bendera). Sikap toleransi politik dalam kalangan urban Melayu sangat signifikan kerana jumlah kawasan urban yang semakin meningkat, dan juga jumlah urban Melayu yang juga semakin besar (Usman Yaakob, Tarmiji Masron, & Masami, 2010) seterusnya menjadi faktor penentu dalam pilihan raya. Oleh yang demikian, perbincangan sikap politik urban Melayu berdasarkan demografi yang berbeza dapat memberi inferensi yang signifikan serta dapat memahami sikap politik urban Melayu dalam mendepani pilihan raya yang mendatang.

Kajian berkaitan kelakuan pengundi di Malaysia banyak berkisar mengenai ras dan etnisiti hasil tinggalan penjajah, dan ia semakin menarik perhatian sarjana yang melihat daripada pelbagai aspek termasuklah ekonomi, pembangunan dan nilai demokrasi (Mohd Nizah, Abd Azzis, & Ibrahim, 2016). Tetapi, disebabkan keputusan pilihanraya ke 13 pada tahun 2013, lanskap kajian mula menjurus ke arah isu yang lebih besar termasuklah pengaruh urbanisasi dan jarak urban-luar bandar (Wei, Ng,

Rangel, Vaithilingam, & Pi, 2015). Pengundi kawasan urban adalah lebih terbuka dan lebih prihatin terhadap isu-isu yang lebih besar, sebagai contoh, peripenting nilai demokrasi, keberhutangan, pembangunan yang lestari, isu antarabangsa, malah isu-isu setempat yang memberi impak kepada kualiti hidup, seperti kesesakan lalu-lintas, harga barangan dan juga isu keselamatan (Mohd Nizah et al., 2016; Weiss, 2014).

Kajian berkaitan kelakuan mengundi dapat dilihat daripada beberapa teori yang seringkali digunakan dalam membincangkan kelakuan pengundi. Antara teori tersebut ialah Model Sosiologi (Berelson, Lazarsfeld, & McPhee, 1954; Lazarsfeld, Berelson, & Gaudet, 1944); Model Psikososial (Campbell, Converse, Miller, & Stokes, 1960); Model Kelakuan (Ajzen, 1991) serta Model Pilihan Rasional (Downs, 1957; Simon, 1952). Walaubagaimanapun, disebabkan oleh kerana beberapa limitasi terhadap model-model atau teori tersebut, antaranya ialah model sosiologi tidak mengambil kira faktor luaran dalam menentukan kelakuan pengundi (Hansen & Jensen, 2007; Singh, Leong, Tan, & Wong, 1995) yang memberi ruang kepada model psikososial untuk memahami kelakuan pengundi. Model Michigan ini juga mempunyai beberapa limitasi antaranya ialah partisipasi dan mobilisasi pengundi berdasarkan pengenalan parti memberi impak besar kepada jumlah pengundi sewaktu pilihanraya, tetapi ia belum tentu mampu memberi indikasi sebenar terhadap keputusan pilihanraya itu sendiri. Selain daripada itu, antara kritikan terhadap model ini ialah, sekiranya pengenalan parti itu menjadi indikator utama, maka proses dan aktiviti pengundian menjadi tepu dan tidak dinamik. Ini kerana Model Michigan hanya berfungsi sebagai "penapis persepsi" terhadap parti yang disokong dan parti yang tidak disokong dan tidak memberi indikasi empirikal yang sistematik (Jackman, 1987). Jumlah pengundi yang membuang undi juga tidak dapat menghuraikan simetri pengundian pengundi urban-luar bandar.

Oleh yang demikian, teori pilihan rasional melalui pengundi taktikal (Cox, 1997) dapat menghuraikan limitasi yang dihadapi oleh Model Columbia dan Model Michigan. Secara dasarnya, teori ini memperlihatkan bahawa seseorang individu pengundi itu sebenarnya secara strategik dan taktikal apabila membuang undi. Ini kerana apabila membuang undi, seseorang individu itu akan membuat perbandingan secara rasional berdasarkan kepentingan sendiri. Teori pilihan rasional juga memberi ruang kepada individu untuk membuat analisa terhadap kelakuan pengundi, parti politik serta polisi kerajaan dalam membuat keputusan pihak mana yang perlu diundi, bukan berdasarkan faktor persekitaran dan

setempat, malahan bukan juga disebabkan oleh faktor keluarga, orang sekeliling mahupun pengaruh rakan.

Dalam membuat keputusan dalam pilihanraya, pengundi urban akan lebih rasional disebabkan oleh beberapa faktor antaranya status diri, tahap pendidikan, status ekonomi, status tempatan, termasuklah pendedahan terhadap ciri-ciri masyarakat sivil (Agomor & Adams, 2014; Arwine & Mayer, 2012; Widmalm & Oskarsson, 2013). Menurut Lindberg & Morrison (2008) ada dua perspektif dalam melihat isu-isu yang menjadi ukuran seseorang pengundi membuat undian secara rasional, iaitu melalui persektif evaluasi dan perspektif bukan evaluasi.

Pola pengundian di Malaysia selama ini dihurai berdasarkan parti, etnik dan kelas (Maznah, 2008; Ratnam & Milne, 1970; Rudner, 1970; Vasil, 1971) mula mempamerkan tren berbeza dengan isu etnisiti semakin hilang signifikan dalam pengundian (Francis Loh Kok Wah, 2003) serta memberi halangan dalam pentadbiran kerajaan (Huber, 2012). Oleh yang demikian, kajian terhadap komuniti urban adalah penting dalam kajian kelakuan mengundi kerana dianggarkan kawasan atau konstituensi urban semakin bertambah (Brown, 2005), tetapi korelasi pengundi berdasarkan etnik juga semakin hilang signifikasinya (Pepinsky, 2015). Justeru, kajian terhadap tiga kawasan urban dengan status yang pelbagai dapat memberi maklumat yang mendalam terhadap kelakuan pengundi urban dan korelasi dengan etnisiti serta status konstituensi.

## Metodologi

Makalah ini menggunakan data yang dikumpul melalui proses temubual di tiga kawasan parlimen iaitu, Johor Bahru, Shah Alam dan Bukit Bendera. Seramai 291 orang responden telah terlibat dalam proses temubual yang menggunakan instrumen soalselidik ini. Persampelan berkluster dan rawak mudah telah digunakan dalam mendapatkan sejumlah responden. Jadual 1 Jumlah Responden merumuskan jumlah responden mengikut kawasan kajian.

**Jadual 1 Jumlah Responden**

	Bilangan	Peratusan
Bukit Bendera (P48)	25	8.6
Shah Alam (P108)	157	54.0
Johor Bahru (P160)	109	37.5
Total	291	100.0

Daripada jadual di atas, menunjukkan jumlah responden yang berbeza. Ini adalah selari dengan status atau klasifikasi kawasan tersebut berdasarkan takrifan kawasan minoriti Melayu, majoriti Melayu dan kawasan bercampur (Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2013; Vejai Balasubramaniam, 2005). Oleh yang demikian

bilangan responden etnik Melayu daripada kawasan-kawasan yang terlibat dalam kajian ini sangat bertepatan dan selaras dengan piawai persampelan berkluster rawak. Selain daripada itu, data responden ini juga adalah lanjutan daripada kajian Mohd Azmir Mohd Nizah (2016).

## Keputusan & Perbincangan

Jadual 2 dibawah merujuk kepada persoalan tentang sikap toleransi politik terhadap ahli keluarga yang berbeza parti politik dengan responden menunjukkan 62% bersetuju yang memberi indikasi bahawa responden tidak mempunyai masalah tentang perbezaan parti politik dalam kalangan ahli keluarga. Dapatan ini menunjukkan bahawa model Michigan atau *psikososial* yang berdasarkan partisipasi atau pengenalan parti yang disandarkan kepada laras emosi kekeluargaan, atau kumpulan rujukan tidak dapat menjelaskan perbezaan yang wujud ini. Oleh yang demikian, teori pilihan rasional dapat mengisi kekurangan ini dengan pengundi hanya berpandukan kepentingan sendiri dan faedah yang akan dinikmati disebabkan keputusan yang diambil dalam pengundian. Jika dirujuk kepada perbandingan antara ketiga-tiga kawasan kajian, pengundi di Johor Bahru lebih terbuka dengan dapat menerima perbezaan parti politik dalam kalangan ahli keluarga mereka dengan 69.7% bersetuju dengan pernyataan tersebut. Kawasan majoriti bercampur seperti Johor Bahru merupakan kawasan kebal BN pada pilihan raya sebelum 2008 (Balasubramaniam, 2006) disebabkan oleh representasi etnik yang ada dan ia memenuhi kriteria BN yang mewakili etnik yang pelbagai. Namun begitu, tren politik pembangunan dan politik partisipasi telah merubah skema politik kepartian bermula tahun 2008. Ini dapat disaksikan dengan kebanyakan kawasan majoriti bercampur merekodkan kemenangan kepada PR, manakala BN masih lagi menguasai kawasan-kawasan luar bandar (Politweet.Org, 2013).

**Jadual 2: Saya tiada masalah tentang keahlian parti politik ahli keluarga saya yang berbeza dengan saya**

	POLITIK02C										Total
	ASTB	ATB	TB	STB	N	S	SB	B	AB	ASB	
Melayu	8 2.7 %	9 3.1 %	31 10.7 %	24 8.2 %	36 12.4 %	44 15.1 %	74 25.4 %	34 11.7 %	15 5.2 %	16 5.5 %	291 100.0 %

\*Note: ASTB=Amat Sangat Tidak Bersetuju, ATB=Amat Tidak Bersetuju, TB=Tidak Bersetuju, STB=Sederhana Tidak Bersetuju, N=Natural, S=Sederhana, SB=Sederhana Bersetuju, B= Bersetuju, AB=Amat Bersetuju, ASB=Amat Sangat Bersetuju

Kajian ini juga melihat persepsi masyarakat Melayu terhadap parti yang boleh disifatkan menjadikan pendekatan liberal sebagai asas parti. Jadual 3 seperti di bawah adalah analisis diskriptif bagi pernyataan tersebut.

**Jadual 3: Parti politik yang bersifat liberal harus diberi ruang dalam masyarakat Malaysia**

	POLITIK04D										Total
	ASTB	ATB	TB	STB	N	S	SB	B	AB	ASB	
Melayu	10	32	44	40	72	40	33	9	2	9	291
	3.4	11.0	15.1	13.7	24.7	13.7	11.3	3.1	0.7	3.1	100.0
	%	%	%	%	%	%	%	%	%	%	%

\*Note: ASTB=Amat Sangat Tidak Bersetuju, ATB=Amat Tidak Bersetuju, TB=Tidak Bersetuju, STB=Sederhana Tidak Bersetuju, N=Natural, S=Sederhana, SB=Sederhana Bersetuju, B= Bersetuju, AB=Amat Bersetuju, ASB=Amat Sangat Bersetuju

Bagi persampelan Politik04D iaitu parti politik yang bersifat liberal harus diberi ruang dalam masyarakat Malaysia sebanyak 72 responden daripada 291 ataupun sebanyak 24.7% memilih natural dalam temubual yang dijalankan. 43.2% tidak bersetuju, manakala 31.9% bersetuju dengan pernyataan tersebut. Jumlah yang memilih natural ini dianggap besar kerana ianya boleh memberi impak yang besar terhadap pola pengundian dan juga menjadi indikasi kepada sikap pemilih di lokasi kajian. Ini dibuktikan dengan dapatan yang mengatakan bahawa sebahagian generasi muda pada hari ini lebih untuk condong kepada “politik sivil” dimana mereka menekankan perbahasan yang lebih terbuka mengenai demokrasi, hak asasi, pendidikan, keselamatan sosial, kesihatan, wanita dan alam sekitar (Ming, Azhar, Hazri, & Mulakala, 2012; Subramaniam, 2011), berbanding politik kaum (Segawa, 2015).

**Jadual 4: Parti politik yang bersifat fundamental agama harus diberi ruang dalam masyarakat Malaysia**

	POLITIK05D										Total
	ASTB	ATB	TB	STB	N	S	SB	B	AB	ASB	
Melayu	7	20	36	30	69	47	39	17	11	15	291
	2.4	6.9	12.4	10.3	23.7	16.2	13.4	5.8	3.8	5.2	100.0
	%	%	%	%	%	%	%	%	%	%	%

\*Note: ASTB=Amat Sangat Tidak Bersetuju, ATB=Amat Tidak Bersetuju, TB=Tidak Bersetuju, STB=Sederhana Tidak Bersetuju, N=Natural, S=Sederhana, SB=Sederhana Bersetuju, B= Bersetuju, AB=Amat Bersetuju, ASB=Amat Sangat Bersetuju

Manakala Jadual 4 pula melihat persepsi masyarakat urban Melayu berkaitan toleransi mereka dengan parti politik yang boleh disifatkan fundamental agama. Sebanyak 23.7% daripada responden mengambil pendekatan natural berkaitan pernyataan ini. Manakala 32% tidak bersetuju parti politik bersifat fundamental agama diberi ruang dalam masyarakat Malaysia, dan 44.3% pula bersetuju

dengan pernyataan tersebut. Dapatan ini secara tidak langsung menggambarkan masyarakat urban Melayu mempunyai toleransi terhadap parti politik yang bersifat fundamental agama. Oleh yang demikian, pandangan dan kebimbangan yang diutarakan oleh Mohamad Roslan Mohd Nor & Mahmud Ahmad (2013) berkaitan masa depan Islam di Malaysia selepas pilihanraya yang ke 12 seharusnya tidak menjadi isu kerana pada pilihanraya ke 13 masyarakat Melayu Islam, terutamanya di urban masih lagi dapat menerima parti berdasarkan fundamental agama. Walaubagaimanapun, isu-isu yang diketengahkan oleh penulis perlu menjadi garis panduan pada masa hadapan.

Seterusnya, kajian ini juga menanyakan soalan berkaitan dengan relevansi parti politik yang berasaskan kaum dalam kondisi masyarakat Malaysia sekarang seperti di Jadual 5.

**Jadual 5: Parti politik yang berasaskan kaum masih lagi relevan dalam kondisi masyarakat Malaysia yang moden dan maju**

	POLITIK06D										Total
	ASTB	ATB	TB	STB	N	S	SB	B	AB	ASB	
Melayu	6	19	35	47	52	52	41	19	7	13	291
	2.1	6.5	12.0	16.2	17.9	17.9	14.1	6.5	2.4	4.5	100.0
	%	%	%	%	%	%	%	%	%	%	%

\*Note: ASTB=Amat Sangat Tidak Bersetuju, ATB=Amat Tidak Bersetuju, TB=Tidak Bersetuju, STB=Sederhana Tidak Bersetuju, N=Natural, S=Sederhana, SB=Sederhana Bersetuju, B= Bersetuju, AB=Amat Bersetuju, ASB=Amat Sangat Bersetuju

Bagi persampelan Politik06D iaitu parti politik yang berasaskan kaum masih lagi relevan dalam kondisi masyarakat Malaysia yang moden dan maju, hampir 52 responden daripada 291 ataupun sebanyak 17.9% responden memilih natural dalam temubual yang dijalankan. Ini sangat bertepatan dengan intipati Marzuki Mohamad (2012) yang menyatakan salah satu faktor yang menyebabkan parti Barisan Nasional tumpas dan seterusnya kehilangan undi popular di negeri Selangor pada tahun 2013 adalah berdasarkan faktor imej etnik pelbagai (*multiethnic image*) yang gagal ditunjukkan oleh parti Barisan Nasional pada pilihanraya yang lepas. Ditambah pula pada pilihanraya yang lalu, undi “Bandar” menjadi penyumbang utama pada kemenangan PR yang hadir dengan imej pelbagai etnik sekaligus memenangi 80 kerusi parlimen di Semenanjung dan sembilan kerusi di Sabah dan Sarawak (Muhammad Shamshinor Abdul Aziss, Farid Wajdi Mohd Nor, Afi Roshezry Abu Bakar, & Mohd Azmir Mohd Nizah, 2016). Ini secara tidak langsung menyokong dapatan kajian yang dilakukan di Johor Bharu, Shah Alam dan juga di Bukit Bendera. 36.8%

daripada responden tidak bersetuju manakala 45.3% daripada responden bersetuju bahawa parti politik berasaskan kaum masih lagi relevan dalam masyarakat sivil di Malaysia.

Sekiranya diamati, ketiga-tiga persoalan diatas mempunyai kaitan antara satu sama lain. Soalan tersebut sebenarnya melihat sikap toleransi politik dan sikap politik responden di ketiga-tiga kawasan. Maka dapat difahami, responden daripada ketiga-tiga kawasan urban tersebut memperlihatkan sikap yang berbeza-beza terhadap sifat parti politik yang ada, seperti parti bersifat kaum, liberal mahupun agama. Namun begitu, hasil daripada analisa min, daripada ketiga-tiga kawasan tersebut, responden Johor Bahru menunjukkan skor min yang terendah dengan skor 4, diikuti Shah Alam skor 5.6 dan Bukit Bendera dengan skor 6.7. Ini jelas membuktikan bahawa kawasan majoriti bercampur bukan sahaja mempunyai kurang dokongan terhadap parti yang bersifat liberal dan agama serta berasaskan kaum, tetapi juga kurang sokongan terhadap parti yang berasaskan kaum. Dapatan ini membuktikan bahawa sikap politik Melayu urban bukan sahaja melangkaui batas kaum dan agama dan liberal, tetapi juga menyatakan ada faktor lain yang mempengaruhi sikap politik mereka. Pengaruh demografi dengan komposisi masyarakat berbilang etnik juga mungkin menjadi salah satu faktor penyumbang kepada sikap mereka. Jadual 6 adalah hasil analisa melalui skor min.

**Jadual 6: Skor Min**

Kawasan Parlimen	Parti bersifat liberal	Parti bersifat agama	Parti berasaskan kaum
Bukit Bendera (P48)	5.48	7.36	7.48
Shah Alam (P108)	5.36	6.06	5.58
Johor Bahru (P160)	3.65	3.90	4.39
Total	4.73	5.36	5.30

Seterusnya, persoalan mengenai kepelbagaian etnisiti dalam sesebuah parti politik menyebabkan parti tersebut tidak akan kekal lama seperti dalam Jadual 7. Analisa adalah seperti dibawah.

**Jadual 7: Parti politik yang bertoleransi dengan kepelbagaian tidak akan kekal lama**

	POLITIK09C										Total
	ASTB	ATB	TB	STB	N	S	SB	B	AB	ASB	
Melayu	21	17	28	33	80	49	42	12	6	2	290
Count											
%	7.2%	5.9%	9.7%	11.4%	27.6%	16.9%	14.5%	4.1%	2.1%	0.7%	100.0%

\*Note: ASTB=Amat Sangat Tidak Bersetuju, ATB=Amat Tidak Bersetuju, TB=Tidak Bersetuju, STB=Sederhana Tidak Bersetuju, N=Natural, S=Sederhana, SB=Sederhana Bersetuju, B= Bersetuju, AB=Amat Bersetuju, ASB=Amat Sangat Bersetuju

Bagi persampelan Politik09C iaitu Parti politik yang bertoleransi dengan kepelbagaian tidak akan kekal lama sebanyak 80 responden daripada 291 ataupun sebanyak 27.6% memilih natural dalam temubual mereka. 34.2% tidak bersetuju, manakala 38.2% bersetuju dengan pernyataan. Dengan jumlah mereka yang memilih natural agak besar dan julat perbezaan antara yang bersetuju dan tidak bersetuju dengan pernyataan, sekali lagi pernyataan ini memperlihatkan sikap bersituasi (*situational*) responden urban Melayu. Analisa min juga menunjukkan perbezaan yang minima antara ketiga-tiga kawasan responden. Sekali lagi faktor bertoleransi dengan kepelbagaian menjadi pilihan masyarakat Melayu urban di Johor Bharu, Shah Alam dan juga Bukit Bendera. Sikap toleransi dengan kepelbagaian perlu ada pada setiap kepimpinan masyarakat disetiap peringkat samada negeri ataupun nasional bagi meneruskan legasi politik mereka. Faktor ini menjadi pilihan utama bagi pengundi Melayu urban dalam memilih calon mereka pada pilihanraya yang ke-14.

**Jadual 8: Sesiapa sahaja tidak kira latar belakang etniknya harus diberi ruang untuk menjadi calon dalam pilihan raya**

	POLITIK13D										Total
	ASTB	ATB	TB	STB	N	S	SB	B	AB	ASB	
Melayu	7	4	3	12	30	23	27	23	78	84	291
Count											
%	2.4%	1.4%	1.0%	4.1%	10.3%	7.9%	9.3%	7.9%	26.8%	28.9%	100.0%

\*Note: ASTB=Amat Sangat Tidak Bersetuju, ATB=Amat Tidak Bersetuju, TB=Tidak Bersetuju, STB=Sederhana Tidak Bersetuju, N=Natural, S=Sederhana, SB=Sederhana Bersetuju, B= Bersetuju, AB=Amat Bersetuju, ASB=Amat Sangat Bersetuju

Jadual 8 di atas mendapati majoriti responden (63.6%) bersetuju bahawa faktor etnik seseorang calon adalah tidak signifikan dalam penentuan pencalonan pilihanraya. Dapatan ini adalah selari dengan senario politik semasa yang menunjukkan bahawa faktor kepelbagaian etnik dalam pencalonan sesuatu parti mempunyai kecenderungan yang positif untuk penyebab kemenangan dalam pilihanraya (Muhammad Shamshinor Abdul Aziss et al., 2016, p. 137). Justeru, yang menjadi prioriti masyarakat urban melayu adalah kemampuan calon dari segi implementasi manifesto. Ini dapat dibuktikan dengan kemenangan Tian Chua dari Pakatan Rakyat di Parlimen Batu dimana pengundi Melayu sebanyak 44.3% (Junaidi Awang Besar et al., 2012). Begitu juga dengan kemenangan Wee Jock Seng di parlimen Tanjung Piailai dengan pengundi Melayu adalah majoriti (Thock Ker Pong & Tan Yen Yee, 2016). Selain itu, faktor karisma pemimpin, kawalan terhadap isu serta

integriti adalah perkara yang perlu diberi perhatian (Mohd Azmir et al., 2013, p. 135). Maka jelas ini menunjukkan sikap pengundi Melayu bandar yang tidak melihat etnisiti sebagai calon.

## Kesimpulan

Data diskriptif di atas menunjukkan bahawa penduduk urban Melayu mempunyai sikap yang berbeza-beza terhadap setiap persoalan. Beberapa kesimpulan dapat dibuat daripada analisa tersebut. Pertama, komuniti urban Melayu telah melepasi faktor psikososial dalam mempengaruhi atau terpengaruh dalam konteks identifikasi parti. Responden juga tiada masalah menerima perbezaan parti politik dalam ahli keluarga sendiri. Senario ini sangat berbeza jika dibandingkan 10 tahun dahulu. Kedua, parti bersifat liberal ditolak tetapi parti bersifat agama diterima kehadirannya, manakala parti berasaskan kaum masih lagi relevan, tetapi semakin menipis kerelevanannya. Ketiga, parti politik yang pelbagai agak sukar untuk terus wujud. Namun begitu, julat yang besar terhadap mereka yang bersikap natural memperlihatkan sikap 'situational' yang agak sukar diketahui dan ini menjadi antara faktor penentu dalam pilihan raya. Teori pilihan rasional jelas membuktikan masyarakat yang moden, terdedah kepada maklumat dan mempunyai pandangan dan penilaian sendiri yang jelas, secara rasionalnya akan membuang undi sekiranya kepentingan ekonomi, sendiri dan masyarakat memberi kelebihan. Parti politik seharusnya sedar akan perubahan masyarakat dan mula mengatur strategi bagi pilihan raya yang akan datang.

## Rujukan

- Abdillah Noh, . (2014). Malaysia 13th General Election: A short note on Malaysia's continuing battle with ethnic politics. *Electoral Studies*, 34, 266–269. <http://doi.org/10.1016/j.electstud.2013.09.003>
- Agomor, K., & Adams, S. (2014). Determinants of Voting Behaviour in Ghana. In J. Pomfret (Ed.), *Global Awareness Society International 23rd Annual Conference* (pp. 1–12). Montego Bay: Global Awareness Society International. Retrieved from <http://organizations.bloomu.edu/gasi/>
- Ajzen, I. (1991). The Theory of Planned Behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50, 179–211.
- Arwine, A., & Mayer, L. (2012). *The Impact of Tolerance on Political Behavior* (2012 Annual Meeting). Portland, Oregon.
- Balasubramaniam, V. (2006). Strengthening ethnic identity consciousness and the role of tactical voting in multi-racial Malaysia. *Asian Ethnicity*, 7(1), 75–88. <http://doi.org/10.1080/14631360500498536>
- Berelson, B. R., Lazarsfeld, P. F., & McPhee, W. N. (1954). *Voting- A Study of Opinion Formation in a Presidential Campaign*. Chicago: University of Chicago.
- Brown, G. (2005). Playing the (non)ethnic card: The electoral system and ethnic voting patterns in Malaysia. *Ethnopolitics*, 4(4), 429–445. <http://doi.org/10.1080/17449050500348675>
- Campbell, A., Converse, P. E., Miller, W. E., & Stokes, D. E. (1960). *The American Voter* (3rd ed.). Chicago: University of Chicago Press.
- Cox, G. W. (1997). *Making Votes Counts*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Department of Statistics Malaysia. (2009). *Urbanization & Urban Growth Issues for the Next Malaysia Census 2010*. Hong Kong.
- Downs, A. (1957). *An Economic Theory of Democracy*. New York: Harper and Row.
- Francis Loh Kok Wah, . (2003). Developmentalism versus Reformism: The Contest for Bukit Bendera. In . Francis Loh Kok Wah & . Johan Saravanamuttu (Eds.), *New Politics in Malaysia* (pp. 158–177). Singapore: Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS).
- Gomez, J. (2014). Malaysia's 13th General Election: Social Media and its Political Impact. *Asia Pacific Media Educator*, 24(1), 95–105. <http://doi.org/10.1177/1326365X14539213>
- Hansen, T., & Jensen, J. M. (2007). Understanding voters' decisions : a theory of planned behavior approach. *Innovative Marketing*, 3(4), 87–94.
- Huber, J. D. (2012). Measuring Ethnic Voting: Do Proportional Electoral Laws Politicize Ethnicity? *American Journal of Political Science*, 56, 986–1001. <http://doi.org/10.1111/j.1540-5907.2012.00601.x>
- Jackman, R. W. (1987). Institutions and Voter Turnout in the Industrial Democracy. *The American Political Science Review*, 81(2), 405–424.

<http://doi.org/10.2307/1961959>

- Junaidi Awang Besar, ., Mohd Fuad Mat Jali, ., Yahaya Ibrahim, ., Abdul Halim Sidek, ., Jeniri Amir, ., Rosmadi Fauzi, ., & Novel Lyndon, . (2012). Persepsi Politik Pengundi Belia Melayu Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 di Malaysia. *Jurnal Melayu*, (9), 191–214.
- Lazarsfeld, P. F., Berelson, B., & Gaudet, H. (1944). *The People's Choice: How the voter makes up his mind in a presidential campaign*. New York: Columbia University Press.
- Lindberg, S. I., & Morrison, M. K. C. (2008). Are African Voters Really Ethnic or Clientelistic? Survey Evidence from Ghana. *Political Science Quarterly*, 123(1), 95–122.
- Marzuki Mohamad, . (2012). Mitos Politik Baru. *Utusan Online*. Kuala Lumpur.
- Maznah, .Mohamad. (2008). Malaysia — democracy and the end of ethnic politics? *Australian Journal of International Affairs*, 62(4), 441–459.  
<http://doi.org/10.1080/10357710802480691>
- Ming, L. L., Azhar, N. A., Hazri, H., & Mulakala, A. (2012). *The Youth Factor: 2012 Survey of Malaysian Youth Opinion*. Kuala Lumpur.
- Mohamad Roslan Mohd Nor, ., & Mahmud Ahmad, . (2013). The Malay Muslim Dilemma in Malaysia after the 12th General Election. *Malaysian Journal of Democracy and Election Studies*, 1(1), 10–23.
- Mohd Azmir Mohd Nizah, . (2016). *Consequences of Ethnic Political Tolerance on Voting Behaviour in Malaysia*. Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Azmir, M. N., Paimah, A., Shamshinor, A. A., Adibah, M., Khairulnizam, M. N., & Adenan, M. J. (2013). Persepsi Pengundi Terhadap Isu Yang Akan Mempengaruhi Keputusan PRU-13 di Negeri Sembilan. In S. A. Baharuddin & M. N. Mansor (Eds.), *PRU 13 Siapa Pilihan Pengundi* (First, pp. 122–140). Bangi, Selangor: Institut Kajian Etnik UKM.
- Mohd Nizah, M. A., Abd Azzis, M. S., & Ibrahim, M. A. (2016). Selangor Voters Perception toward Issues in 13th Malaysian General Election. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 7(1), 44–51.  
<http://doi.org/10.5901/mjss.2016.v7n1s1p44>
- Muhammad Shamshinor Abdul Aziss, ., Farid Wajdi Mohd Nor, ., Afi Roshezry Abu Bakar, ., & Mohd Azmir Mohd Nizah, . (2016). Penerusan Kuasa Rakyat di Selangor. In . Muhamad Takiyuddin Ismail & . Sity Daud (Eds.), *Pilihan Raya Umum Ke-13: Kesenambungan Politik Baharu, Kekentalan Politik Lama*. Sintok: UUM Press.
- Pepinsky, T. B. (2015). Interpreting Ethnicity and Urbanization in Malaysia's 2013 General Election. *Journal of East Asian Studies*, 15, 199–226.
- Politweet.Org. (2013). The Rural-Urban Divide in Malaysia's General Election. Retrieved from <http://politweet.wordpress.com/2013/05/21/the-rural-urban-divide-in-malaysias-general-election/>
- Ratnam, K. J., & Milne, R. S. (1970). The 1969 Parliamentary Election in West Malaysia. *Pacific Affairs*, 43(2), 203–226.
- Rudner, M. (1970). The Malaysian General Political Election of 1969: A Political Analysis. *Modern Asian Studies*, 4(1), 1–21.
- Segawa, N. (2015). Ethnic Politics and Consociationalism in the 2013 Malaysian Election. *Japanese Journal of Political Science*, 16(02), 177–194.  
<http://doi.org/10.1017/S1468109915000055>
- Simon, H. A. (1952). A Behavioral Model of Rational Choice. *Quarterly Journal of Economics*, 99–118.
- Singh, K., Leong, S. M., Tan, C. T., & Wong, K. C. (1995). A Theory of Reasoned Action Perspective of Voting Behavior : Model and Empiric ... *Psychology & Marketing*, 12(1), 37.
- Subramaniam, S. (2011). Assessing Political Dynamics in Contemporary Malaysia : Implications for Democratic Change. *ASIA Network Exchange*, 19(1), 42–52.
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. (2013). Sistem Pengurusan Maklumat Pilihan Umum. Retrieved April 20, 2015, from [http://resultpru13.spr.gov.my/module/keputusan/paparan/paparan\\_laporan.php](http://resultpru13.spr.gov.my/module/keputusan/paparan/paparan_laporan.php)
- Thock Ker Pong, ., & Tan Yen Yee, . (2016). DAP dan Politik Baharu di Johor. In . Muhamad Takiyuddin Ismail & . Sity Daud (Eds.), *Pilihan Raya Umum Ke-13: Kesenambungan Politik Baharu, Kekentalan Politik Lama* (pp. 66–82). Sintok:

Penerbit Universiti Utara Malaysia.

- Usman Yaakob, ., Tarmiji Masron, ., & Masami, F. (2010). Ninety Years of Urbanization in Malaysia : A Geographical Investigation of Its Trends and Characteristics. *Ritsumeikan Soc Sci Humanity*, 4, 79–101. Retrieved from [www.ritsumei.ac.jp/acd/re/k-rsc/hss/book/pdf/vol04\\_05.pdf](http://www.ritsumei.ac.jp/acd/re/k-rsc/hss/book/pdf/vol04_05.pdf)
- Vasil, R. . (1971). *Politics in a Plural Society : A Study of Noncommunal Political Parties in West Malaysia* (Vol. 67). Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Vejai Balasubramaniam, . (2005). The Politics of Locality and Temporality in the 2004 Malaysian Parliamentary Elections. *Contemporary Southeast Asia*, 27(1), 44–63.
- Wei, J., Ng, J., Rangel, G. J., Vaithilingam, S., & Pi, S. S. (2015). The 2013 Malaysian Elections: Ethnic Politics or Urban Wave? *Journal of East Asian Studies*, 15, 167–198.
- Weiss, M. L. (2013). Malaysia's 13th General Elections: Same Result, Different Outcome. *Asian Survey*, 53(6), 1135–1158. <http://doi.org/10.1525/as.2013.53.6.1135>
- Weiss, M. L. (Ed.). (2014). *Electoral Dynamics in Malaysia*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Widmalm, S., & Oskarsson, S. (2013). Political Tolerance in India Descriptions and Explanations from the Heartland. *Asian Survey*, 53(3), 533–558.